

JAKMAS KKTUM UMS tanya khabar melalui Program Ziarah

NST 10.3.2018 5

KOTA KINABALU: Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan kunjungan dari bilik ke bilik di kolej kediaman berkenaan baru-baru ini.

Yang Dipertua JAKMAS KKTUM, Mohammad Azad Hafiz Ismail berkata, program tersebut yang dinamakan Program Ziarah Warga KKTUM 3.0 merupakan salah satu usaha menjaga kebajikan warga kolej KKTUM sendiri.

"Pada kunjungan ini, agihan bubur Ayam KKTUM turut diadakan yang dihasilkan sendiri oleh penasihat Kelab Memasak KKTUM, Noorazmil Noortar di samping ramah mesra bertanya khabar dan mendengar segala maklum balas daripada warga kolej kediaman terutama berkaitan perkhidmatan yang disediakan pihak JAKMAS," katanya dalam satu kenyataan.

Mohammad Azad berkata, selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ke arah membawa institusi pengajian tinggi Malaysia menuju Revolusi Industri 4.0, JAKMAS KKTUM turut memanfaatkan penggunaan telefon pintar menerusi aplikasi Google Form sebagai medium mendapatkan maklum balas berkaitan program ziarah berkebaikan.

Sementara itu Pengetua KKTUM, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin berkata, program ziarah itu penting untuk kesepadan dan kerjasama penghuni kolej.

"Konsep gotong royong yang menjadi salah satu pengisian dalam program ini telah semakin pupus di zaman moden, justeru penganjurannya suatu langkah yang tepat bagi menyema semula budaya ini khususnya dalam kalangan mahasiswa," katanya.

Program Ziarah Warga KKTUM itu turut mendapat pujiann daripada Pengetua Kolej Kediaman Excellent, Dr. Syahruddin Haji Awang Ahmad.

"Ini merupakan suatu usaha yang sangat murni di samping dapat memupuk pelbagai nilai positif dalam kalangan pelajar universiti," jelasnya.

Majlis perasmian program yang melibatkan lebih 1,500 pelajar kolej kediaman itu disempurnakan Timbalan Pengetua KKTUM, Herman Salah.



HERMAN (tengah bertopi merah) bergambar bersama ahli jawatankuasa pelaksana.